

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

NEGERI MELAKA

TASAWWUR ISLAM

5226

Ogos
2 jam 30 minit

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **kelas** pada ruang yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **empat** soalan pada **Bahagian B**.
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** dan **Bahagian B** dalam kertas soalan ini.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1-20	
B	1	
	2	
	3	
	4	
	5	
	6	
Jumlah		

NAMA:..... NO KAD PENGENALAN:

ANGKAGILIRAN:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

 TING:.....

Bahagian A
[20 markah]
Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga 4

Pilih jawapan yang bersesuaian dengan pernyataan berikut.

1. Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya. [Islam / Iman / Ihsan]
2. Berupaya menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi untuk melaksanakan pembaharuan. [Inovatif / Dinamik / Integriti]
3. Masyarakat dan generasi yang maju dari segi pemikiran, rohani dan kebendaan. [Moden / Madani / Makani]
4. Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman. [Waqi'iyah / `Alamiyyah / Rabbaniyyah]

Soalan 5 hingga 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

keimanan	khilafah	khusus	agama	umum	khalifah
----------	----------	--------	-------	------	----------

5. Membuang benda yang berbahaya di jalanan adalah contoh ibadah _____.
6. Hiburan yang menepati syariat dapat meningkatkan _____ seseorang.
7. Maksud _____ ialah sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seseorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT.
8. Tujuan Islam melarang perbuatan syirik dilakukan oleh umatnya adalah bertujuan untuk memelihara _____.

Soalan 9 hingga 10

Pilih hukuman diat yang bersesuaian dengan menandakan (*S*) atau (*T*) dalam ruangan yang disediakan.

S	Diat ringan
T	Diat berat

9. Seseorang memukul orang lain dengan menggunakan rotan sehingga menyebabkan kematian. _____
10. Seorang pemburu tertembak rakannya yang disangka seekor rusa. _____

Soalan 11 hingga 12

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang berkaitan prosedur keterangan mensabitkan kesalahan.



11. P ialah _____
12. Q ialah _____

Soalan 13 hingga 14


Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan berdasarkan jadual di bawah.

Etika Tadbir Urus	Penerangan
R	Konsisten dalam menghasilkan impak cemerlang
Sistematik	Membuat perancangan dan pemantauan yang berterusan
S	Tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan sendiri

13. R ialah _____
14. S ialah _____

Soalan 15 hingga 16

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan rukun nikah.



15. U ialah _____

16. V ialah _____

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

17. Pengabaian sistem perundangan Islam mewujudkan sistem ekonomi yang haram seperti amalan riba dan rasuah.

☐

18. Islam tidak melarang seni ukiran berbentuk benda bernyawa seperti manusia dan haiwan.

☐

19. Cara Islam memelihara akal ialah dengan menyuruh umatnya menuntut ilmu supaya pemikiran berkembang.

☐

20. Saksi kes zina ialah seramai tiga orang lelaki.

☐

BAHAGIAN B

[80 markah]

Jawab empat soalan sahaja.

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan Islam sebagai al-Din? [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup. [4 markah]

- (iii) Nyatakan **dua** tindakan untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup. [2 markah]

- (b) (i) Senaraikan **dua** jenis pemilikan harta. [2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** matlamat pemilikan harta. [4 markah]

Beriman kepada kitab merupakan salah satu daripada rukun iman yang wajib dipercayai oleh setiap Muslim.

- (c) (i) Nyatakan **dua** daripada kitab tersebut. [2 markah]

- (ii) Huraikan amalan yang boleh dilakukan sebagai bukti meyakini perkara di atas. [4 markah]

- 2 (a) (i) Nyatakan maksud manusia sebagai khalifah Allah SWT. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** hubungan antara hamba dengan khalifah Allah SWT. [4 markah]



- (iii) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dari sudut politik.

[4 markah]

- (b) (i) Senaraikan **dua** matlamat sistem perundangan Islam.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan cara Islam memelihara keturunan.

[2 markah]

Umat Islam mesti berpegang kepada perundangan Islam dalam semua aspek kehidupan.

- (c) (i) Nyatakan kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam terhadap negara.

[1 markah]

- (ii) Bincangkan cara untuk mengatasi kesan pengabaian di atas.


[5 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan **dua** matlamat sistem sosial Islam.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** keistimewaan sistem sosial Islam.

[4 markah]



- (b) Bagaimanakah sambutan di atas dapat merealisasikan sistem sosial Islam dalam kehidupan?

[6 markah]

- (c) (i) Nyatakan maksud pengurusan. [2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** sistem pentadbiran dan pengurusan yang dipraktikkan pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin. [4 markah]

- (d) Senaraikan **dua** prinsip tadbir urus dalam Islam. [2 markah]

- 4 (a) (i) Apakah maksud syumuliyyah? [2 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** ciri prinsip syumuliyyah. [4 markah]

- (b) Jelaskan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam.

[4 markah]



- (c) (i) Nyatakan jenis muamalat yang berkaitan dengan gambar di atas.

[1 markah]

- (ii) Berdasarkan jawapan anda, bagaimanakah muamalat tersebut dapat diamalkan oleh murid sekolah secara istiqamah?

[5 markah]

- (d) Terangkan **dua** keburukan tidak bermuamalat dengan muamalat Islam kepada masyarakat.

[4 markah]

- 5 (a) (i) Apakah maksud wahyu?

[2 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** ciri wahyu.

[2 markah]



- (b) Mengapakah gejala di atas ditegah dalam Islam, sedangkan perkara tersebut merupakan hak kebebasan individu? Huraikan.

[6 markah]

- (c) (i) Senaraikan **dua** bentuk hukuman takzir yang dilaksanakan di negara kita. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** kesalahan bagi hukuman takzir. [4 markah]

- (d) Terangkan **dua** syarat saksi dalam prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan. [4 markah]

- 6 (a) Keseniaan Islam merangkumi pelbagai bentuk seni yang dihasilkan dalam dunia Islam.

(i) Nyatakan **dua** konsep keseniaan Islam.

[2 markah]

(ii) Senaraikan **empat** contoh keseniaan Islam dalam kehidupan selain daripada seni reka fesyen.

[4 markah]

(iii) Jelaskan **dua** syarat yang perlu diambil berat dalam pemilihan fesyen pakaian yang menepati syarak.

[4 markah]

(b) Piagam Madinah merupakan piagam bertulis pertama di dunia.

(i) Siapakah yang mengasaskannya?

[1 markah]

(ii) Bilakah ianya digubal?

[1 markah]

- (iii) Bincangkan kesan Piagam Madinah terhadap suasana kehidupan masyarakat majmuk di Madinah pada zaman Rasulullah SAW.

[4 markah]

- (c) Terangkan **dua** ciri khilafah.

[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT